

29/05/2001

Orang Melayu keliru keadaan politik negara

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara ini, khususnya orang Melayu kini nampaknya keliru mengenai keadaan politik negara kerana mendengar pendapat yang berbeza-beza.

Perdana Menteri berkata, jika dulu politik negara mudah difahami kerana ia bertujuan memberi tempat sewajarnya kepada orang Melayu, kini ada yang berpendapat tempat tidak penting kerana ada keperluan lain yang lebih utama.

"Tumpuan yang berlebihan kepada politik tidak membawa apa-apa makna kalau ia tidak dapat difahami oleh rakyat, terutamanya orang Melayu," katanya ketika melancarkan laman web Biro Tindakan Sivil Umno di Muzium Kesenian Islam, di sini hari ini.

Biro itu yang diwujudkan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno bertujuan menganjurkan kegiatan untuk mengeratkan hubungan di antara parti dan masyarakat.

Turut hadir, Pengerusi biro itu, Azalina Othman Said yang juga Ketua Penaja Puteri Umno.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, kerja kebajikan adalah sesuatu yang tidak boleh dipertikaikan dan ia perlu dibuat oleh semua untuk membantu golongan tidak bernasib baik.

Serentak itu, beliau meminta Biro Tindakan Sivil Umno dikembangkan ke seluruh negara untuk menawarkan khidmat kepada golongan tidak bernasib baik yang memerlukan bantuan.

Katanya, khidmat biro itu adalah kerja kebajikan yang dituntut oleh Islam dan perlu diberikan kepada semua rakyat tanpa mengira agama dan keturunan.

"Kita tidak harus mengambil kira keturunan atau agama saja kerana kerja kebajikan seperti khidmat biro tindakan sivil ini, tidak harus dihadkan kepada sesama agama saja," katanya

Perdana Menteri berkata, dengan penubuhan biro itu kerja kebajikan dapat dibuat dengan lebih teratur, terutama bagi membantu golongan yang memerlukan bantuan.

"Saya yakin penubuhan ini juga dapat memberi lebih banyak makna kepada Umno sebagai parti politik," katanya.

Antara kegiatan yang dianjurkan biro itu ialah menyelaras dan mentadbir masalah harian yang dikemukakan masyarakat, menganjurkan kursus sivil dan bina semangat, bantuan guaman, pusat kecergasan, bincang malam dan program membaca untuk orang buta.

Orang ramai yang ingin mendapatkan bantuan boleh menghubungi biro itu di alamat Tingkat 3, Kompleks Selera Sukom, Jalan SS3/39 Sungai Way, Selangor atau melalui e-mail: bts-umno@hotmail.com.

(END)